

595:
MAHATHIR

1975

KUALA LUMPUR, 23 JUN (BERNAMA) -- MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD HARI INI BERHARAP PELAJAR-PELAJAR MALAYSIA YANG BERPELUANG MEWAKILI NEGARA DI LUAR NEGERI DAPAT MEMBERI GAMBARAN SEBENAR MENGENAI TANAH AIR MEREKA KEPADA PELAJAR-PELAJAR LAIN.

DI MASA LALU KEBANYAKAN GAMBARAN YANG DIBERI OLEH PELAJAR-PELAJAR MALAYSIA TIDAK BEGITU BETUL SEHINGGA MENIMBULKAN SALAH FAHAM.

MENTERI ITU BERUCAP SEMASA MENYAMPAIKAN TEKET KAPALTERBANG KEPADA MOHAMAD RANI BIN MOHAMAD LAZIM YANG AKAN MEWAKILI NEGARA INI KE PERHIMPUNAN PELAJAR-PELAJAR SELURUH DUNIA DI KEM RISING SUN DI NEW YORK, AMERIKA SHARIKAT.

TEKET TERSEBUT ADALAH SUMBANGAN SYARIKAT MINYAK MOBIL YANG MENGANJUR PEMERGIAN MOHAMAD RANI, 17, PELAJAR TINGKATAN EMPAT SEKOLAH MENENGAH-SAINS KUANTAN, PAHANG.

DR. MAHATHIR BERHARAP MOHAMAD RANI DAPAT MEMBERI GAMBARAN SEBENARNYA TERUTAMA DASAR KERAJAAN MENGENAI MASYARAKAT BERBILANG KAUM.

BELIAU BERKATA RANCANGAN YANG DIANJURKAN OLEH SYARIKAT MOBIL ITU DAPAT MEMPERKENALKAN MALAYSIA KE SELURUH DUNIA DENGAN LEBIH LUAS LAGI WALAUPUN PERLAWANAN TINJU HEAVYWEIGHT DUNIA YANG AKAN DATANG DI SINI TELAH BERJAYA MENCAPAI MATALAMAT TERSEBUT. --
BERSAMBUNG 1713/LK

596:
MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

PENGARAH URUSAN SYARIKAT ITU, ENCIK A.L. FERGUSSON DALAM UCAPANNYA BERKATA, INI ADALAH KALI KELIMA PEAKNYA MENGANJUR WAKIL PELAJAR MALAYSIA MENYERTAI PERHIMPUNAN ITU.

+DUTA KECIL MUHIBAH MALAYSIA+ INI DIPILIH KERANA MEMPUYAI POTENSI YANG TINGGI SEBAGAI SEORANG PEMIMPIN DAN CEMERLANG DI BIDANG PELAJARAN.

MOHAMAD RANI ADALAH ANAK KEDUA DARI SERAMAI LAPAN ORANG ADIK BERADIK SEORANG-ANGGOTA POLIS DARI KUANTAN, ENCIK MOHAMAD LAZIM BIN MUDA.

MOHAMAD RANI AKAN BERLEPAS MALAM INI DARI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA DI SINI DAN TIBA KEMBALI KE TANAH AIR PADA 7 SEPTEMBER
TERANGKAP MELAKUKAN MELAKUKAN MELAKUKAN MELAKUKAN MELAKUKAN

SERAMAI 30 ORANG PELAJAR DARI AMERIKA SHARIKAT, ASIA, AFRIKA, EROPAH DAN AMERIKA LATIN AKAN HADIR DI PERHIMPUNAN TERSEBUT. --
BERNAMA 1716/LK

249